



MAJLIS TVET NEGARA

**GARIS PANDUAN
MEKANISME PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN
PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN
VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI
2025**

Tarikh Disediakan : 13 Mac 2025
Tarikh Kemaskini : 19 Mei 2025
Tarikh Diluluskan : 19 Mei 2025

KANDUNGAN

Perkara	Senarai Kandungan	Muka Surat
1.0	TUJUAN	4
2.0	TARIKH KUAT KUASA	4
3.0	LATAR BELAKANG	5
4.0	TAFSIRAN	6
5.0	OBJEKTIF	8
6.0	MEKANISME PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI	8
7.0	PENETAPAN PENCAPAIAN OUTCOME	10
8.0	KRITERIA KELAYAKAN PENYEDIA LATIHAN (PL)	11
9.0	PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN YANG DICADANGKAN	11
10.0	KUMPULAN SASARAN PROGRAM	12
11.0	MEKANISME DAN KAEDAH PERMOHONAN OLEH PENYEDIA LATIHAN (PL) UNTUK MENJALANKAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI	14
12.0	ELEMEN PEMBIAYAAN	15
13.0	MEKANISME DAN KAEDAH PEMBAYARAN	16
14.0	PENALTI & PEMULANGAN SEMULA YURAN	17
15.0	TERMA RUJUKAN FUNGSI BERSAMA SEKRETARIAT MTVET DAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)	18
16.0	TERMA RUJUKAN PENYEDIA LATIHAN (PL)	18
17.0	TERMA RUJUKAN AGENSI PENYELARAS	19
18.0	TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL	20

19.0	TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU	21
20.0	KUASA PERBADANAN	22
21.0	PENGECUALIAN	22
22.0	SENARAI LAMPIRAN	22
23.0	SALURAN PERTANYAAN	23
24.0	PEMAKAIAN	23
25.0	LAMPIRAN 1 - 3	24

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk:

- 1.1 Menerangkan peraturan penyaluran peruntukan pembangunan kepada Penyedia Latihan (PL) dan kaedah tatacara pengurusan pelaksanaan latihan *reskilling*, *upskilling* dan profesional di bawah program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi yang mendapat pentauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi atau badan pensijilan profesional atau pensijilan industri berkaitan.
- 1.2 Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan institusi TVET membangun dan memperkasakan program latihan kemahiran berimpak tinggi seiring keperluan semasa pihak industri.
- 1.3 Fokus utama pembiayaan program adalah berkaitan kepada bidang utama seperti Kenderaan Elektrik, Keselamatan Siber, Kecerdasan Buatan, Bahan Termaju, Teknologi Elektronik yang memberi tumpuan kepada rekabentuk litar bersepadu serta fabrikasi wafer, Mekanisasi Ladang, Automasi Pertanian dan Penternakan serta lain-lain bidang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri negara.

2.0 TARIKH KUAT KUASA

- 2.1 Pemakaian Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi ini berkuat kuasa pada Garis Panduan ini diluluskan dan hendaklah terpakai sehingga diganti dengan Garis Panduan baharu.

3.0 LATAR BELAKANG

Rancangan Malaysia ke 12 (RMKe-12) telah menggariskan kepentingan pelaburan dalam program TVET melalui pembangunan modal insan berkemahiran tinggi. Sejalan dengan pembangunan kerangka Ekonomi MADANI dan *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030), Kerajaan menekankan mengenai pembangunan sektor industri dengan berpandukan kepada pertumbuhan dan nilai tinggi (*High Growth, High Value* - HGHV) sebagai komponen utama dalam transformasi industri Malaysia. Fokus ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan memperkukuhkan daya saing negara di peringkat global.

Pada 8 Jun 2024, sempena perasmian Hari TVET Negara 2024 yang berlangsung di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Selangor, Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi memperkasa bidang TVET di Malaysia semasa Majlis Perasmian Hari TVET Negara 2024 dan Peluncuran Dasar TVET Negara 2030. Peruntukan tambahan kepada Program TVET Berimpak Tinggi terpakai kepada program TVET yang mendapat pentauliahkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi atau badan pensijilan profesional berkaitan.

Mesyuarat Jemaah Menteri bagi Mekanisme Dan Pelaksanaan Inisiatif Pembiayaan Tambahan Bagi Program Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi bertarikh 7 Mac 2025 bersetuju supaya peruntukan tambahan berjumlah RM200 juta tersebut kekal disalurkan menerusi PTPK namun dimasukkan ke akaun berasingan yang tidak tertakluk pada Akta 640.

4.0 TAFSIRAN

- 4.1 **Skim Pembiayaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi** - Dana yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Majlis TVET Negara (MTVET);
- 4.2 **Latihan *Reskilling*** – adalah latihan semula untuk meningkat kompetensi kemahiran dan pengetahuan sedia ada ATAU latihan untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang berbeza dan baru untuk membantu memenuhi kemahiran dan pengetahuan serta peranan baru;
- 4.3 **Latihan *Upskilling*** – latihan untuk meningkat kompetensi kemahiran dan pengetahuan yang terkini dan baru iaitu mengembangkan kemahiran dan pengetahuan tambahan untuk membantu seseorang pelatih TVET menjadi lebih berharga dalam peranan mereka sekarang;
- 4.4 **Latihan Profesional** – latihan yang mendapat pengiktirafan oleh Badan Profesional, Agensi, Persatuan atau Industri untuk mempersijilkan dan melayakkan seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas;
- 4.5 **Agensi Penyelaras** - Agensi Penyelaras berperanan sebagai pemudahcara yang akan mengenalpasti dan mencadangkan Penyedia Latihan (PL) yang layak dipertimbangkan untuk menerima peruntukan yang dikemukakan bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal;
- 4.6 **Personel Agensi Penyelaras** - pegawai di peringkat kumpulan Pengurusan & Profesional bagi mewakili Kementerian / Agensi untuk menganggotai Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu;
- 4.7 **Pelatih/Peserta kursus** - seseorang yang menerima latihan kemahiran daripada Penyedia Latihan (PL) dan memenuhi kriteria pelatih yang ditetapkan;

- 4.8 **Penyedia Latihan (PL)** - institusi latihan Awam dan Swasta yang mengendalikan latihan yang masih aktif pendaftaran dengan pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan dan diluluskan untuk melaksanakan latihan kemahiran skim pembiayaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi;
- 4.9 **Program Latihan Kemahiran** - suatu program latihan kemahiran yang dijalankan di Malaysia yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau badan pensijilan profesional berkaitan di peringkat nasional dan antarabangsa dan diluluskan oleh Agensi Penyelaras dan Jawatankuasa Pemandu;
- 4.10 **Jawatankuasa Teknikal** – Jawatankuasa Penilaian Program TVET Berimpak Tinggi diwujudkan di peringkat Urusetia (Urusetia bersama Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Sekretariat Majlis TVET Negara) serta Agensi Penyelaras;
- 4.11 **Jawatankuasa Pemandu** – Jawatankuasa yang memperaku dan meluluskan pelaksanaan latihan kemahiran Program TVET Berimpak Tinggi;
- 4.12 **Tempoh Latihan** - tempoh latihan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa. Tempoh pelaksanaan latihan bermula dari pelatih/peserta kursus didaftarkan sehingga telah selesai memenuhi jam latihan yang ditetapkan;
- 4.13 **Urusetia** - urusetia bersama Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Sekretariat Majlis TVET Negara di bawah Jawatankuasa Teknikal.


5.0 OBJEKTIF

Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi ini diadakan untuk mencapai objektif berikut:

- 5.1 Meningkatkan kemahiran pelatih/peserta kepada satu tahap yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan teknologi;
- 5.2 Menyediakan latihan kepada pelatih/peserta dalam kemahiran sedia ada, baru dan terkini serta diiktiraf; dan
- 5.3 Menyediakan peluang perkembangan dan kemajuan kerjaya kepada pelatih/peserta menerusi penyertaan program latihan kemahiran.

6.0 MEKANISME PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI

- 6.1 Proses mekanisme pelaksanaan latihan dijalankan berdasarkan empat (4) seperti berikut:



6.2 Penyedia Latihan

- i. Permohonan berdasarkan pelaksanaan Program TVET Berimpak Tinggi yang mendapat pentauliahahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan;
- ii. Penyediaan kertas cadangan program latihan kemahiran seperti format **di Lampiran 1 dan 2**;

- iii. Penyedia Latihan (PL) perlu menjalinkan kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berasaskan keperluan semasa industri.

6.3 Agensi Penyelaras

- i. Agensi Penyelaras berperanan sebagai pemudahcara yang akan mengenalpasti, menyemak, mencadangkan Penyedia Latihan (PL) yang layak dipertimbangkan untuk menerima peruntukan yang dikemukakan bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal. Cadangan Agensi Penyelaras mengikut kementerian adalah seperti berikut:
 - a. Bidang Kenderaan Elektrik
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Institut - Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii);
 - b. Bidang Mekanisasi Ladang
Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK);
 - c. Bidang Automasi Pertanian dan Penternakan
Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM);
 - d. Bidang Keselamatan Siber
Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA);
 - e. Bidang Kecerdasan Buatan
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
 - f. Bidang Teknologi Elektronik dan Bahan Termaju
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST); dan
 - g. Lain-lain bidang yang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri negara
Lain-lain Agensi Penyelaras boleh dilibatkan berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.

6.4 **Jawatankuasa Teknikal**

- i. Permohonan akan dinilai oleh dua (2) jawatankuasa yang mana Jawatankuasa Teknikal akan dipengerusikan bersama Ketua Eksekutif PTPK atau Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara; dan
- ii. Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab untuk melaksanakan saringan, penilaian dan memperakukan kertas cadangan program latihan kemahiran yang diterima dan disemak daripada Penyedia Latihan (PL) dan memastikan program-program latihan yang mematuhi kriteria sahaja layak diangkat untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu.

6.5 **Jawatankuasa Pemandu**

- i. Setelah Jawatankuasa Teknikal telah membuat penilaian, Jawatankuasa Pemandu mempertimbangkan dan meluluskan program latihan yang berjaya yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri; dan
- ii. PTPK akan mengagihkan peruntukan kepada Penyedia Latihan (PL) yang berjaya, memantau pelaksanaan dan melaporkan kemajuan secara berkala kepada Sekretariat Majlis TVET Negara.

7.0 **PENETAPAN PENCAPAIAN OUTCOME**

7.1 Latihan Kemahiran yang dijalankan di bawah program ini berdasarkan kepada 2 konsep latihan seperti berikut :-

- i. Konsep Latih dan Penempatan (*Train and Place*) yang mana pelatih/peserta menjalani latihan di Penyedia Latihan (PL) terlebih dahulu sebelum diberikan penempatan pekerjaan; atau
- ii. Konsep Penempatan dan Latih (*Place and Train*) yang mana pelatih/peserta akan diberikan penempatan pekerjaan di industri dan menjalani latihan di Penyedia Latihan (PL).

7.2 Penyedia Latihan (PL) hendaklah memastikan pelatih/peserta yang menjalani latihan kemahiran memenuhi satu atau lebih kriteria outcome seperti berikut:

- i. Penempatan pekerjaan/pengekalan pekerjaan; atau
- ii. Peningkatan Kerjaya / Kenaikan Pangkat; atau
- iii. Peningkatan Pendapatan.

8.0 KRITERIA KELAYAKAN PENYEDIA LATIHAN (PL)

- 8.1 Terbuka kepada semua Penyedia Latihan (PL) yang mendapat pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan; dan
- 8.2 PL perlu menjalinkan Kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berasaskan keperluan semasa industri.

9.0 PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN YANG DICADANGKAN

- 9.1 Program latihan kemahiran dalam bidang-bidang industri berimpak tinggi selaras perkembangan teknologi semasa. Program latihan kemahiran yang dibiayai adalah tujuh (7) bidang keutamaan seperti berikut:
 - i. Kecerdasan Buatan;
 - ii. Kenderaan Elektrik;
 - iii. Teknologi Elektronik yang memberi tumpuan kepada rekabentuk litar bersepadu serta fabrikasi wafer;
 - iv. Keselamatan Siber;
 - v. Mekanisasi Ladang;
 - vi. Automasi Pertanian dan Penternakan;
 - vii. Bahan Termaju; dan
 - viii. lain-lain bidang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri negara berdasarkan pertimbangan dan pandangan Jawatankuasa Pemandu.
- 9.2 Program latihan kemahiran yang dicadangkan hendaklah ditauliahkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan;

- 9.3 Program latihan kemahiran jangka pendek selama minimum **tujuh (7) hari dan maksimum selama enam (6) bulan** sama ada pensijilan penuh, modular, *customized* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan/industri di bawah Pensijilan Kemahiran Malaysia (PKM) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan;
- 9.4 Pelaksanaan latihan kemahiran berdasarkan Standard Pekerjaan atau modul yang diiktiraf dengan penekanan kepada komponen praktikal dan kemahiran psikomotor (*skills*), pengetahuan dan teori (kognitif), sikap (*attitude*) dan kebolehan teras (*core abilities*);
- 9.5 Program latihan kemahiran yang dijalankan memberi impak kepada penempatan pekerjaan dan peningkatan kompetensi untuk menutup jurang kompetensi serta memenuhi keperluan teknologi baru;
- 9.6 Pelatih/Peserta diberi pekerjaan atau mendapat pekerjaan atau peningkatan kerjaya setelah menjalani latihan di Penyedia Latihan (PL) berdasarkan ***Train and Place* atau *Place and Train***.

10.0 KUMPULAN SASARAN PROGRAM

- 10.1 Pelatih/Peserta yang layak adalah terdiri dari kumpulan sasar yang memenuhi kriteria-kriteria asas seperti berikut:
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur 18 hingga 55 tahun;
 - iii. Bukan seorang yang diisytihar muflis;
 - iv. Mengikuti program latihan kemahiran di Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar di bawah Pensijilan Kemahiran Malaysia (PKM) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan;
 - v. Mengikuti program latihan kemahiran yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu di bawah Skim Pembiayaan Program TVET Berimpak Tinggi;

- vi. Tidak mendapat mana-mana pembiayaan atau tajaan daripada agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang lain bagi membiayai latihan yang diikuti dalam tempoh latihan;
- vii. Pelatih/Peserta hanya boleh menjalani satu program latihan kemahiran Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi pada satu-satu masa;
- viii. Kemudahan skim pembiayaan ini hanya layak diberikan kepada pelatih/peserta SEKALI SAHAJA bagi menjalani satu program latihan; dan
- ix. Pelatih yang pernah mendapat pembiayaan dalam bentuk geran latihan lain dengan Kerajaan tidak layak memohon pembiayaan di bawah skim ini.

10.2 **Kriteria tambahan bagi mewujudkan lebih banyak segmen TVET**

Antara Kumpulan Sasar Khusus yang dikenalpasti memerlukan peluang khusus untuk meningkatkan kualiti hidup dan potensi sosioekonomi isi rumah berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Dalam kalangan masyarakat orang asli terutama di kawasan pedalaman; dan
- ii. Dalam kalangan minoriti/pribumi/bumiputera Sabah& Sarawak yang masih ketinggalan daripada segi pembangunan sosioekonomi.

10.3 **Kriteria Tambahan bagi kategori Pekerja Awam/Swasta**

- i. Pekerja sedia ada yang sedang berkhidmat di majikan/syarikat telah mendapat pelepasan daripada majikan untuk mengikuti latihan kemahiran; dan
- ii. Pekerja yang memerlukan latihan kemahiran bagi tujuan untuk peningkatan kemahiran (*upskilling*) atau latihan semula (*reskilling*) atau professional.

10.4 **Kriteria Tambahan bagi Kategori Pelatih Lepas Sekolah/ Graduan Lepas Sekolah/ Graduan Lepas IPTA/IPTS/ Graduan Menganggur**

- i. Bukanlah merupakan pelajar sekolah atau pelajar universiti yang masih menuntut atau pelajar yang sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan; dan
- ii. Pelatih/Peserta yang memerlukan latihan tambahan untuk peluang pekerjaan mengikut kelayakan melalui latihan semula (*reskilling*) bagi tujuan meraih pendapatan yang lebih tinggi.

11.0 MEKANISME DAN KAEDAH PERMOHONAN OLEH PENYEDIA LATIHAN (PL) UNTUK MENJALANKAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI

- 11.1 Setiap Penyedia Latihan (PL) yang memohon perlu melalui mekanisme pelaksanaan inisiatif bagi Program TVET Berimpak Tinggi ini yang mana akan ditatakelola dan diselaraskan oleh beberapa Jawatankuasa seperti di bawah:
 - i. Jawatankuasa Teknikal; dan
 - ii. Jawatankuasa Pemandu.
- 11.2 Penyedia Latihan (PL) hendaklah mengemukakan Kertas Permohonan dengan mengisi maklumat Kertas Cadangan/*Request for Proposal* (RFP) kepada PTPK setelah hebahan dan taklimat diberikan oleh PTPK menggunakan format seperti berikut:
 - i. Format Kertas Cadangan Program TVET Berimpak Tinggi;
 - ii. Cadangan Perincian Kadar Yuran;
 - iii. Dokumen sokongan yang dikemukakan semasa penghantaran kertas cadangan; dan
 - iv. *Letter of Commitment* (LOC)/*Letter of Agreement* (LOA)/*Memorandum of Agreement* (MOA) antara Penyedia Latihan (PL) dan Syarikat/ Industri.
- 11.3 Pihak PTPK akan selaraskan kepada Agensi Penyelaras yang akan mengenalpasti, menyemak dan membuat penilaian awal bagi program latihan kemahiran yang dicadangkan untuk dibentangkan di dalam Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu;

- 11.4 Setelah Penyedia Latihan (PL) mendapat kelulusan, PL hendaklah berdaftar dengan PTPK bagi pelaksanaan Program TVET Berimpak Tinggi ini;
- 11.5 Ringkasan tatacara permohonan oleh Penyedia Latihan (PL) adalah seperti **Carta Alir 1** seperti di **Lampiran 3**;
- 11.6 Agihan peruntukan kepada Penyedia Latihan (PL) yang layak adalah berdasarkan kepada kriteria - kriteria yang berikut:
- i. Semakan kapasiti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu semasa permohonan program dibuat atau;
 - ii. Bilangan pekerja yang diperlukan oleh syarikat/majikan yang dikemukakan semasa cadangan permohonan program yang mana lebih rendah; dan
 - iii. Tertakluk kepada kesediaan dana di bawah Program Pendidikan dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi.
- 11.7 Program Latihan Kemahiran hendaklah dikendalikan oleh Penyedia Latihan (PL) yang diluluskan di premis yang didaftarkan di bawah Pensijilan Kemahiran Malaysia (PKM) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan.

12.0 ELEMEN PEMBIAYAAN

- 12.1 Kadar pembiayaan adalah mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu;
- 12.2 Elemen kadar pembiayaan adalah:
- i. Yuran Latihan; dan
 - ii. Kos Sara Hidup (boleh dipertimbangkan)
- 12.3 Yuran latihan akan dibayar terus ke akaun bank Penyedia Latihan (PL) seperti berikut:
- Fasa 1:**
- 90 peratus (90%) akan dibayar selepas dokumen permohonan pelatih/peserta berstatus "**PERJANJIAN LENGKAP**"
- Fasa 2:**
- Baki yuran 10 peratus (10%) akan dibayar setelah Penyedia Latihan (PL) mengemukakan tuntutan selepas pelatih/peserta menamatkan latihan dan

mencapai outcome program yang telah ditetapkan yang diperakukan oleh Agensi Penyelaras;

- 12.4 Sekiranya tiada tuntutan daripada Penyedia Latihan (PL) dan perakuan daripada Agensi Penyelaras selepas 3 bulan pelatih/peserta menamatkan latihan, PTPK boleh untuk tidak membayar atau menolak tuntutan baki yuran 10% berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu;
- 12.5 Di bawah adalah kadar peratus yuran yang layak dituntut oleh Penyedia Latihan (PL)

Status Permohonan Pelatih/Peserta	Kadar Kelayakan Tuntutan oleh Penyedia Latihan (PL)
Perjanjian Lengkap	Tuntutan 90 peratus (%) Yuran dibayar setelah berstatus Perjanjian Lengkap
Bulan berikutnya selepas pelatih/peserta tamat latihan dan mencapai outcome	Tuntutan 10 peratus (%) Baki Yuran oleh Penyedia Latihan

- 12.6 Penyedia Latihan (PL) perlu **mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih/peserta tidak menamatkan latihan dan tidak mencapai outcome atas sebab yang tidak munasabah.** Pengiraan akan dibuat secara *proportionate* mengikut tempoh pelatih/peserta mengikuti latihan sahaja; dan
- 12.7 Pembayaran yuran latihan berdasarkan status pentauliahan dan program di bawah Pensijilan Kemahiran Malaysia (PKM) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau daripada agensi/industri atau pensijilan industri atau badan pensijilan profesional berkaitan yang sah dan lulus.

13.0 MEKANISME DAN KAEDAH PEMBAYARAN

- 13.1 Setiap permohonan latihan yang dijalankan boleh dibayar setelah:
- i. Pelatih/peserta memulakan latihan dan dokumen telah lengkap diproses serta “PERJANJIAN LENGKAP: dalam sistem PTPK, 90 % yuran latihan akan dibayar kepada Penyedia Latihan (PL); dan
 - ii. manakala bagi baki yuran 10% akan dibayar selepas pemantauan

outcome dikemukakan kepada PTPK melalui perakuan Agensi Penyelaras sama ada pelatih telah mendapatkan penempatan pekerjaan/kenaikan pangkat/peningkatan kerjaya.

13.2 Pemantauan dan laporan:

- i. Pemantauan atau proses pengesahan pelatih/peserta akan dilakukan secara rawak sama ada sebelum, semasa atau selepas program latihan kemahiran dijalankan; dan
- ii. Laporan pemantauan pelaksanaan latihan yang dijalankan adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan dan pematuhan kepada perjanjian yang ditandatangani.

14.0 PENALTI & PEMULANGAN SEMULA YURAN

- i. **Penyedia Latihan (PL) perlu memulangkan semula yuran 90 peratus (90%) yang telah diterima sekiranya tidak mencapai outcome seperti syarat di para 7.2 tidak dipenuhi;**
- ii. Pelatih/peserta perlu untuk menamatkan program latihan kemahiran yang diikuti dan **sekiranya gagal, pelatih/peserta perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah tidak melebihi RM5,000.00** kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian atau kecacatan kekal atau menyambung pengajian atau mendapat pekerjaan lain atau apa-apa alasan yang munasabah. Penalti yang dikenakan kepada pelatih/peserta akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Teknikal, manakala rayuan penalti pula akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu; dan
- iii. Pelatih/peserta yang gagal menamatkan latihan kemahiran atas apa-apa sebab-sebab munasabah perlu mengemukakan borang pembatalan Bantuan Kewangan beserta sesalinan dokumen berkaitan kepada PTPK.

15.0 TERMA RUJUKAN FUNGSI BERSAMA SEKRETARIAT MTVET DAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

15.1 Sekretariat MTVET dan PTPK bertanggungjawab:

- i. Mengenalpasti dan membuat penilaian awal terhadap Penyedia Latihan (PL) dan Penyedia Latihan (PL) yang akan dicadang untuk melaksanakan program latihan kemahiran melalui Jawatankuasa Teknikal;
- ii. Memantau pelaksanaan program latihan kemahiran dari semasa ke semasa sehingga program tamat dan penempatan pelatih/peserta ke dalam industri;
- iii. Menyediakan laporan berkala dan laporan impak (selepas tamat program) untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu; dan
- iv. Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu serta membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program dari semasa ke semasa.

16.0 TERMA RUJUKAN PENYEDIA LATIHAN (PL)

16.1 Tanggungjawab Penyedia Latihan (PL) yang berjaya mendapat kelulusan peruntukan adalah seperti berikut:

- i. Menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk program latihan kemahiran yang telah diluluskan sahaja dan tidak boleh menggunakan peruntukan tersebut bagi tujuan meraih keuntungan dan kepentingan lain;
- ii. Melaksanakan program latihan kemahiran yang telah diluluskan;
- iii. Mengemukakan laporan dan ringkasan keberkesanan kursus pelatih/peserta tiga (3) bulan setelah pelatih/peserta menamatkan latihan;
- iv. Mengoptimumkan penggunaan kemudahan latihan yang disediakan oleh Penyedia Latihan (PL);
- v. Memantau pelaksanaan program dari semasa ke semasa

sehingga program latihan kemahiran tamat;

- vi. Penyedia Latihan (PL) perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih/peserta tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah;
- vii. Mana-mana Penyedia Latihan (PL) yang tidak persetujuan dengan syarat- syarat program atau salah satu daripada syarat-syarat program yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Pelaksanaan Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi, hendaklah mengembalikan Surat Setuju Terima yang dikemukakan beserta justifikasi sebelum tarikh akhir tawaran;
- viii. Mana-mana Penyedia Latihan (PL) yang tidak dapat memenuhi syarat- syarat program yang telah ditetapkan, hendaklah memulangkan semula jumlah yuran yang tidak layak diterima kepada PTPK; dan
- ix. Penyedia Latihan (PL) hendaklah memulangkan semula apa-apa jumlah yang diterima secara terkhilaf atau terlebih bayar kepada PTPK dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bayaran diterima.

17.0 TERMA RUJUKAN AGENSI PENYELARAS

17.1 Agensi Penyelaras bertanggungjawab:

- i. Sebagai pemudahcara antara Penyedia Latihan (PL), syarikat/industri dan PTPK dalam pelaksanaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi;
- ii. Mengenalpasti, menyemak dan membuat penilaian awal bagi program latihan kemahiran yang dicadangkan oleh Penyedia Latihan (PL) beserta senarai industri/majikan untuk dikemukakan kepada PTPK bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi;
- iii. Membangunkan program *demand driven* untuk *Train and Place* atau *Place and Train*;

- iv. Melaksanakan advokasi, fasilitasi, padanan dan khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkepentingan;
- v. Menyemak dan memperakukan baki tuntutan 10% yang dikemukakan oleh Penyedia Latihan (PL) bagi tujuan tuntutan akhir sebelum dikemukakan kepada PTPK; dan
- vi. Mengemukakan laporan berkala dan laporan impak (selepas tamat program latihan kemahiran) kepada PTPK.

18.0 TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL

18.1 Keanggotaan Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada:

Pengerusi Bersama : Ketua Eksekutif, PTPK atau Ketua Sekretariat
Majlis TVET Negara

Urusetia : PTPK dan Sekretariat Majlis TVET Negara
(MTVET)

Ahli - ahli :

- i. Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri;
- ii. Kementerian Kewangan;
- iii. Kementerian Ekonomi;
- iv. Kementerian Sumber Manusia;
- v. Jabatan Akauntan Negara;
- vi. Agensi Penyelaras;
 - Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Institut - Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii);
 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan - Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Kementerian Perladangan dan Komoditi;
 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP);
 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);

- *Collaborative Research in Engineering, Science & Technology* (CREST)
- Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA); dan
- Kementerian/Agensi yang berkaitan dengan bidang-bidang Program TVET Berimpak Tinggi yang berkaitan.

18.2 Skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal ini adalah seperti berikut:

- i. Menyemak program latihan kemahiran yang dicadangkan;
- ii. Mengkaji kos pelaksanaan program latihan kemahiran yang dicadangkan;
- iii. Menyokong kertas cadangan program TVET Berimpak Tinggi yang telah dikemukakan oleh Penyedia Latihan (PL);
- iv. Membentangkan senarai kertas cadangan yang diluluskan kepada Jawatankuasa Pemandu; dan
- v. Memastikan pematuhan prosedur tatacara kewangan Kerajaan.

19.0 TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU

19.1 Keanggotaan Jawatankuasa Pemandu peringkat atasan adalah terdiri daripada:

Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri

Urusetia : Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET)

Ahli - ahli :

- i. Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri;
- ii. PTPK;
- iii. Kementerian Kewangan;
- iv. Kementerian Ekonomi;
- v. Kementerian Sumber Manusia;
- vi. Jabatan Akauntan Negara;

vii. Agensi Penyelaras yang berkaitan.

19.2 Skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu ini adalah seperti berikut:

- i. Membuat perakuan dan kelulusan terhadap program latihan kemahiran yang dicadangkan;
- ii. Membuat perakuan dan kelulusan terhadap kos pelaksanaan aktiviti atau program yang dicadangkan;
- iii. Meluluskan senarai penerima dana berdasarkan kelulusan keputusan jawatankuasa teknikal; dan
- iv. Menilai laporan keberkesanan serta impak pelaksanaan aktiviti atau program.

20.0 KUASA PERBADANAN

Perbadanan boleh pada bila-bila masa menggantung, membatalkan pendaftaran Penyedia Latihan (PL) jika Penyedia Latihan (PL) melanggar mana-mana peruntukan.

21.0 PENGECUALIAN

Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada syarat-syarat di atas hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu.

22.0 SENARAI LAMPIRAN

Senarai dokumen yang digunakan dalam Pelaksanaan Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi Perbadanan Tabung Kemahiran dengan Kerjasama Agensi Penyelaras adalah seperti berikut:

22.1 **Lampiran 1** Senarai Semakan Permohonan Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi;

22.2 **Lampiran 2** Format Kertas Cadangan Permohonan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal

Dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi oleh Penyedia Latihan;

22.3 **Lampiran 3** Carta Aliran Tatacara Permohonan Pelaksanaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berimpak Tinggi oleh Penyedia Latihan.

23.0 SALURAN PERTANYAAN

23.1 Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada Urusetia bersama PTPK dan Sekretariat Majlis TVET Negara; dan

23.2 Saluran rasmi platform media sosial Sekretariat Majlis TVET Negara dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran seperti berikut di bawah:

- E-mel : tveterimpaktinggi@ptpk.gov.my
- Aplikasi X : https://twitter.com/PTPK_Official/
<https://x.com/mtvetrasmi>
- Facebook : <https://www.facebook.com/ptpkonline/>
<https://www.facebook.com/mtvetrasmi>
- Instagram : https://www.instagram.com/ptpk_online/
<https://www.instagram.com/mtvetrasmi>

24.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Skim Pembiayaan Program TVET Berimpak Tinggi ini terpakai kepada semua organisasi berkaitan yang terlibat dalam pelaksanaan program ini.



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN
SKIM PEMBIAYAAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN
TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI**

NAMA PENYEDIA LATIHAN: _____

*Silakan tandakan (√) di ruang yang berkenaan

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	SEMAKAN (PL)	SEMAKAN (URUSETIA)	CATATAN
1.	Surat iringan permohonan dari Penyedia Latihan			Tarikh terima :
2.	MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN (PL)			
	2.1 Sijil Akuan Pentauliahahan DAN Surat kelulusan Pentauliahahan bagi Setiap Program Latihan yang dimohon daripada JPK/MQA/Agensi/Pensijilan Industri/Badan Pensijilan Profesional untuk didaftarkan di PTPK			
	2.2 Nombor pendaftaran syarikat			
	2.3 Penyata kewangan syarikat			
3.	MAKLUMAT CADANGAN PROGRAM LATIHAN			
	3.1 Kertas cadangan program latihan			
	3.2 Sijil Kelayakan tenaga pengajar			
	3.3 Jadual Program Latihan			
	3.4 Perician kadar struktur yuran program latihan			
	3.5 Sebutharga program latihan			
	3.6 Contoh sijil yang akan diperolehi selepas tamat program latihan			

4.	MAKLUMAT LETTER OF INTENT/ MEMORANDUM OF UNDERSTANDING/LETTER OF AGREEMENT ANTARA PENYEDIA LATIHAN DENGAN PIHAK BERKAITAN BERHUBUNG PENEMPATAN PEKERJAAN			
	4.1 Dokumen persetujuan Letter of Intent/ Memorandum of Understanding/Letter of Agreement Antara Penyedia Latihan Dengan Pihak Berkaitan Berhubung Penempatan Pekerjaan			
	4.2 Tarikh persetujuan Letter of Intent/ Memorandum of Understanding/Letter of Agreement Antara Penyedia Latihan Dengan Pihak Berkaitan Berhubung Penempatan Pekerjaan			
	4.3 Bilangan pekerjaan yang diperlukan			
	4.4 Nama Jawatan / Pekerjaan yang ditawarkan			
	4.5 Gaji / Julat Gaji yang ditawarkan			

NOTA: Mohon untuk pastikan dokumen sokongan dikemukakan dengan lengkap.

Sekiranya permohonan yang TIDAK LENGKAP atau TIDAK MEMENUHI SYARAT akan DITOLAK dan kami tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat maklumat TIDAK SAMA.

Agensi Penyelaras yang terlibat:

UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / URUSETIA SAHAJA

TARIKH LENGKAP	
CATATAN	:

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

.....

.....

.....

FORMAT KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI OLEH PENYEDIA LATIHAN (PL)

1. LATAR BELAKANG CADANGAN

- 1.1. Konsep Cadangan
- 1.2 Justifikasi Cadangan

2. MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN (PL)

2.1 Maklumat Latar Belakang Penyedia Latihan (PL)

- Nama Penyedia Latihan (PL)
- Alamat Penuh Penyedia Latihan (PL)
- Nombor Telefon
- Nombor Faksimili
- Email
- Pendaftaran Penyedia Latihan (PL) dengan PTPK
- Sektor Keutamaan dalam Pelan Induk Perindustrian (New Industrial Master Plan 2030)
- Kategori Pentauliahan (JPK/MQA/Agensi/Pensijilan Industri/Badan Pensijilan Profesional)

2.2 Maklumat Status Kewangan

- Nama syarikat
- Nombor pendaftaran syarikat
- Alamat syarikat
- Penyata kewangan syarikat

3. CADANGAN PROGRAM LATIHAN

3.1 Latar Belakang Keperluan Program Latihan

- Nama Program Latihan
- Jenis Program Latihan (Reskilling, Upskilling, Profesional)
- Bidang (mengikut 7 bidang keutamaan)
- Senarai Abiliti/Modul Latihan
- Tempat Program Latihan
- Tarikh Mula Program Latihan
- Tarikh Tamat Program Latihan
- Kaedah Pelaksanaan (*Inhouse* atau Penyedia Latihan Luar (*Outsource*))
- Senarai Pengajar dan Kelayakan
- Objektif Program Latihan
- Kandungan Program Latihan
- Jadual Program Latihan
- Nama Badan Pensijilan Program

- Kapasiti peserta kursus yang diluluskan oleh (JPK/MQA/Agensi/Pensijilan Industri/Badan Pensijilan Profesional)
- Justifikasi Kursus (sila nyatakan kepentingan mengadakan kursus dan implikasi jika tidak diadakan)
- Kesimpulan Kursus (sila nyatakan implikasi kursus terhadap peserta dan Penyedia Latihan)
- Catatan Kursus
- Sebutharga kursus

4. Kumpulan Sasar

- 4.1 Justifikasi kumpulan sasaran
- 4.2 Kumpulan Sasaran Pelatih Yang Dipilih
- 4.3 Surat Pengesahan Majikan (jika peserta adalah pekerja)
- 4.4 Surat Pelepasan Bertugas (jika peserta adalah pekerja)

5. Implikasi Kewangan (Kos Latihan)

5.1 Perincian Implikasi Kewangan

- Yuran Kursus (RM)
- Kos Bahan Latihan (RM)
- Kos Peperiksaan (RM)
- Kos lain-lain yang terlibat (RM)

6. Salinan Letter of Intent/ Memorandum of Understanding/Letter of Agreement antara Penyedia Latihan dengan pihak berkaitan berhubung penempatan pekerjaan.

- Dokumen persetujuan Letter of Intent/ Memorandum of Understanding/Letter of Agreement antara Penyedia Latihan
- Tarikh persetujuan dokumen Letter of Intent/ Memorandum of Understanding/Letter of Agreement antara Penyedia Latihan
- Nama syarikat
- Nombor pendaftaran syarikat
- Alamat syarikat
- Bilangan pekerjaan yang diperlukan
- Nama Jawatan / Pekerjaan yang ditawarkan
- Gaji / Julat Gaji yang ditawarkan

CARTA ALIRAN TATACARA PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BERIMPAK TINGGI OLEH PENYEDIA LATIHAN (PL)

TANGGUNGJAWAB

